

جائز عالم سكينزكري فولو فينغ

JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI PULAU PINANG
ARAS BAWAH - ZON B
WISMA PERSEKUTUAN
SEBERANG PERAI UTARA
13200 KEPALA BATAS
PULAU PINANG

Telefon : 04-575 1911
Telefax : 04-575 1455



PENGIKTIRAFAN MS ISO 9001:2008
NO.SIJIL : AR 5141

"Pemeliharaan Alam Sekitar, Tanggungjawab Bersama"



Pengarah Urusan
NI Malaysia Sdn Bhd.,
No.8, Lebuh Batu Maung 1,
11960 Bayan Lepas,
Pulau Pinang

Tuan,

Pemasangan 2 Unit Alat Pembakaran Bahanapi Diesel Fire Pump Oleh National Instrument Malaysia Sdn Bhd., No.8, Lebuh Batu Maung 1, 11960 Bayan Lepas, Pulau Pinang

Saya adalah diarah merujuk kepada perkara tersebut di atas.


2. Jabatan ini mengambil maklum terhadap pemasangan alat pembakaran bahanapi di premis tuan tertakluk kepada syarat-syarat yang terkandung di dalam lampiran A .
3. Sila ambil perhatian bahawa syarat-syarat ini hendaklah sentiasa dipatuhi dan kegagalan untuk berbuat demikian akan mendedahkan pihak tuan kepada tindakan undang-undang.

Sekian.

"SATU MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"INTEGRITI TERAS KUALITI"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' HASSAN BIN MAT)
Pengarah Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p. Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling

2/...

s.k. Pengurus
HPM Consultant,
1565 1st Floor, Jalan Nangka,
Taman Jambu Mawar,
14000 Bukit Mertajam,
PULAU PINANG



Lampiran A


**JABATAN ALAM SEKITAR
PULAU PINANG**

**SYARAT PEMASANGAN
ALAT PEMBAKARAN BAHANAPI (2 UNIT *DIESEL FIRE PUMP*)
DI BAWAH PERATURAN-PERATURAN KUALITI ALAM SEKELILING
(UDARA BERSIH) 1978, P.U (A) 280**

NAMA PEMILIK	:	NI MALAYSIA SDN BHD
ALAMAT PEMILIK	:	NO. 8, LEBUH BATU MAUNG 1, 11960 BAYAN LEPAS, PENANG
(i) Nama Pembuat	:	CLARKE
Model Injin	:	JU6H-UFAARG
Keupayaan Injin	:	252 hp
(ii) Jenis Bahanapi	:	Diesel
(iii) Kadar kegunaan bahanapi	:	
Beban penuh	:	55.61 kg/jam
Beban setengah	:	-
(iv) Masa Operasi	:	Tunggu Sedia Sahaja (Beroperasi Ketika Kebakaran)
(vii) <u>Pelan</u>		<u>Lukisan Berkenaan</u>
a) Pelan Tapak dan Lokasi		JSE/NIM/1(R6)
b) Pelan Susunatur		JSE/NIM/1(R6)
c) Pelan Keratan		JSE/NIM/2(R6)

- d) Primary reactive "residential" silencer
- * Buatan : CLARKE
 - * Model : CO6545
 - * Attenuation : 61.5 dBA
 - * Lukisan Berkenaan : Katalog
- (viii) Takat pelepasan ekzos : 3.15 meter dari paras bumi
Lukisan berkenaan : JSE/NIM/2(R6)
- (ix) Primary Silencer hendaklah dipasang pada *fire water pump*;
- (x) Syarat-syarat yang terkandung dalam surat ini ialah arahan yang dikeluarkan oleh Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling di bawah Seksyen 31, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 bagi mencegah dan mengawal punca-punca yang ada potensi memberi pencemaran alam sekitar;
- (xi) Kemudahan-kemudahan yang didirikan hendaklah mengikut lukisan/pelan yang telah disahkan oleh Jurutera Profesional Malaysia Ir. Hor Poh Ming (Mechanical-9674).
- (xii) Butir-butir lain:
- a) Pemasangan ekzos hendaklah dihalakan jauh dari bangunan yang terdekat sekali.
 - b) Paras kepekatan asap hitam dari ekzos tidak boleh melebihi warna No. 1 dalam Carta Ringelmann.
 - c) Had pelepasan habuk dari ekzos tidak boleh melebihi 0.4 gm/Nm³ pada setiap masa.
 - d) *Fire water pump* ini digunakan hanya semasa kecemasan sahaja iaitu apabila berlaku kebakaran dan sebagainya.
 - e) Penggunaan sebarang transformer yang menggunakan bendalir PCB (*Polychlorinated Biphenyls*) adalah tidak dibenarkan sama sekali.

- f) Benteng hendaklah dibina di sekeliling tangki simpanan bahanapi untuk mengawal sebarang tumpahan. Benteng yang dibina bagi tangki simpanan minyak hendaklah berupaya menampung sekurang-kurangnya 110 peratus kandungan tangki tersebut di dalam benteng berkenaan. Hanya tangki yang menyimpan bahan dari jenis yang sama dibenarkan terletak dalam benteng yang sama. Tapak letak tangki hendaklah diperbuat daripada konkrit dan kemudahan untuk mengempam bahan yang tumpah hendaklah disediakan.


(DATO' HASSAN BIN MAT)
Pengarah Alam Sekitar Pulau Pinang
b.p : Ketua Pengarah Kualiti Alam Sekeliling Malaysia

Tarikh : 03 Jun 2013

